

PEMBANGUNAN SOSIAL DI NEGERI SARAWAK PADA ZAMAN PENTADBIRAN KOLONIAL BRITISH, 1946-1963

Ho Hui Ling¹

Abstract

The transfer of the Sarawak administration from the Raja Brooke regime to British rule on 1 July 1946 resulted in major changes in the social development of the state. Even though the over-arching purpose of the changes was to strengthen the administration and development of the colonial economy in Sarawak, these changes benefited the people of Sarawak considerably. This article begins with an examination of the expanding population of the state, the progress in education, health and medical services, and infrastructural amenities such as water supply, electricity and communications to assess the changes brought about during this period. The article then examines the transport system, social and welfare organisations as well as cooperative development in Sarawak during the period of British administrative rule between 1946 and 1963.

Pendahuluan

Negeri Sarawak mempunyai latar belakang sejarah yang menarik. Negeri Sarawak berada di bawah kekuasaan Kesultanan Brunei sebelum kedatangan James Brooke ke Sarawak pada tahun 1841. Bermula tahun 1841, keluarga Brooke memperoleh kuasa pentadbiran di negeri Sarawak dari Kesultanan Brunei dengan mengasaskan Dinasti Raja-raja Brooke. Pentadbiran raja-raja Brooke di negeri Sarawak berlanjutan sehingga tahun 1941. Seterusnya, negeri Sarawak ditakluki dan diduduki oleh pentadbiran tentera Jepun pada sekitar tahun 1941 sehingga 1945. Selepas Jepun menyerah kalah, Raja Vyner Brooke mengambil keputusan menyerahkan negeri Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946. Dengan itu, negeri Sarawak telah menjadi tanah jajahan mahkota British bermula dari 1 Julai 1946 sehingga Sarawak menjadi salah sebuah negeri dalam Malaysia pada 16 September 1963. Tempoh 1946 hingga 1963 dikenali sebagai zaman pentadbiran kolonial British dalam sejarah Sarawak.

Dalam artikel ini, perbincangan bermula dengan perubahan pentadbiran negeri Sarawak dari rejim Brooke kepada pentadbiran kolonial British. Seterusnya, artikel ini memfokuskan perbincangan kepada pembangunan sosial di negeri Sarawak ketika di bawah kekuasaan penjajah British. Dalam perbincangan ini, aspek pembangunan sosial yang diberi penekanan termasuklah faktor pertumbuhan penduduk, kemajuan pendidikan, kesihatan dan perubatan, kemudahan asas, sistem pengangkutan, pertubuhan sosial, kebajikan serta kerjasama. Aspek-aspek sosial ini penting dibincangkan kerana ia mempengaruhi perkembangan masyarakat, ekonomi dan seterusnya negeri Sarawak.

¹ Dr Ho Hui Ling is a Senior Lecturer at the Department of History in the University of Malaya in Kuala Lumpur

Pertumbuhan penduduk yang memuaskan merupakan modal asas yang efektif bagi perkembangan ekonomi dan seterusnya pembangunan nasional. Kemajuan aspek sosial seperti pendidikan, kesihatan, perubatan, kemudahan asas dan sistem perhubungan pula adalah tulang belakang kepada pembangunan masyarakat. Ini memandangkan kemudahan-kemudahan sosial ini merupakan keperluan asas bagi sesebuah masyarakat untuk menuju ke arah kehidupan yang lebih baik. Manakala, kegiatan berpersatuan adalah mencerminkan usaha ke arah mewujudkan integrasi dan kerjasama yang lebih berkesan di kalangan sesama kaum atau antara kaum. Unsur-unsur ini penting dalam melahirkan sebuah negeri Sarawak yang stabil, progresif, dinamik dan disegani.

Perubahan Pentadbiran Dari Rejim Brooke Kepada Pentadbiran British

Dinasti Brooke mula campurtangan di negeri Sarawak setelah James Brooke berjaya membantu Pengiran Raja Muda Hashim mematahkan pemberontakan yang dilakukan oleh penduduk Sarawak pada tahun 1841. Sebagai membalas jasa James Brooke yang berjaya mententeramkan kekacauan di Sarawak, beliau telah dilantik sebagai Gabenor Sarawak dengan gelaran Raja Sarawak oleh Pengiran Raja Muda Hashim pada 24 September 1841. Pada tahun berikutnya, James Brooke telah pergi ke Brunei bagi mendapatkan pengiktirafan daripada Sultan Brunei (Sultan Omar Ali Saifuddin II). Sultan Brunei telah mengisytiharkan James Brooke sebagai pemerintah Sarawak yang pertama dan digelar "Raja Sarawak".¹ Beliau dianugerahkan kawasan kekuasaan dari Tanjung Datu ke Sungai Samarahan. James Brooke telah memperluaskan tanah jajahannya di Sarawak ke kawasan timur dengan mengambil beberapa jajahan Brunei pada tahun 1853 dan 1861, meliputi kawasan Batang Rejang hingga ke Sungai Balingian.²

Setelah James Brooke meninggal dunia pada 11 Jun 1868 di England, pentadbiran negeri Sarawak diserahkan kepada anak saudaranya, Charles Brooke pada 3 Ogos 1868. Ketika pemerintahannya, keluasan Sarawak telah bertambah sehingga meliputi kawasan dari Kendurung hingga Baram pada tahun 1882. Seterusnya pada tahun 1890, Limbang dikuasai oleh Raja Charles Brooke dan Lawas pula jatuh ke tangannya pada tahun 1905.³ Dengan itu, negeri Sarawak telah memperolehi sempadan seperti yang ada pada hari ini. Sementara itu, negeri Sarawak menjadi kawasan di bawah perlindungan British melalui satu perjanjian perlindungan pada tahun 1888. Namun demikian, British tidak diberi kuasa perundangan di negeri Sarawak di bawah perjanjian tersebut. Bagaimanapun, persetujuan telah dicapai dimana British akan memberi bantuan melindungi negeri Sarawak sekiranya negeri itu diserang oleh kuasa lain.⁴

Charles Brooke memerintah Sarawak selama hampir 50 tahun dan meninggal dunia di England pada 17 Mei 1917. Sarawak seterusnya diserahkan kepada anaknya, Charles Vyner Brooke. Beliau merupakan pemerintah terakhir daripada Dinasti Raja Brooke di Sarawak. Beliau telah mengisytiharkan satu perlembagaan bertulis yang pertama buat negeri Sarawak pada tahun 1941 bersempena ulang tahun pemerintahan ke-100 Dinasti Brooke di Sarawak. Namun, perubahan pentadbiran itu tidak dapat dijalankan kerana serangan Jepun ke atas negeri Sarawak. Untuk selama tiga tahun dan lapan bulan seterusnya, negeri Sarawak berada di bawah zaman pendudukan Jepun. Memandangkan keadaan di negeri Sarawak selepas perang, Vyner Brooke mengambil keputusan menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Beliau percaya bahawa pihaknya tidak mampu menyediakan sumber-sumber untuk memulihkan keadaan ekonomi dan sosial di Sarawak selepas perang. Tambahan pula, usia beliau yang telah lanjut (72 tahun pada ketika itu) dan tidak

mempunyai waris yang boleh menggantikannya sebagai pemerintah Sarawak. Pada masa yang sama, beliau tidak percaya kepada kemampuan anak saudaranya, Tuan Muda Anthony Brooke yang boleh mentadbir negeri Sarawak dengan baik. Sebab-sebab inilah telah mendorong Vyner Brooke untuk melepaskan Sarawak kepada kerajaan British pada tahun 1946.⁵

Dengan itu, pada 24 April 1946, Vyner Brooke telah membuat satu perisytiharan tentang keputusan menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Pada 21 Mei 1946, suratcara penyerahan telah ditandatangani di antara Vyner Brooke dengan pihak kerajaan British yang diwakili oleh C.W. Dawson di Astana, Kuching.⁶ Dengan itu, mulai 1 Julai 1946, negeri Sarawak telah menjadi tanah jajahan mahkota British dan bermulanya zaman pentadbiran kolonial British di negeri Sarawak.

Perubahan pentadbiran Sarawak dari Raja Brooke kepada British telah membawa kepada berlakunya gerakan anti-penyerahan di Sarawak yang di bawah pimpinan Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS) dengan disertai oleh kaum Dayak dari *Sarawak Dayak Association* (SDA). Gerakan ini berakhir dengan tragedi berdarah, iaitu pembunuhan Gabenor Sarawak yang kedua, Sir Duncan Stewart oleh kumpulan anti-penyerahan di Sibu pada Disember 1949.⁷ Namun demikian, peristiwa itu tidak mengubah keputusan Raja Vyner Brooke untuk menyerahkan negeri Sarawak kepada British. Begitu juga, ia tidak menyekat hasrat British untuk mengambil alih pentadbiran negeri Sarawak. Negeri Sarawak kekal di bawah kekuasaan British sehingga tahun 1963 apabila Malaysia dibentuk dan negeri Sarawak menjadi salah sebuah negeri dalam Malaysia.

Zaman Kolonial British di Sarawak

Pentadbiran British yang berlanjutan selama 17 tahun (1946-1963) telah membawa banyak perubahan di Sarawak terutama dalam aspek sosial yang menjadi tumpuan perbincangan dalam artikel ini. Aspek sosial yang dibincangkan merangkumi pertumbuhan penduduk, perkembangan pendidikan, perkhidmatan kesihatan dan perubatan, kemudahan asas, sistem pengangkutan serta penubuhan pertubuhan bercorak sosial, kebajikan dan kerjasama. Kita sedia maklum bahawa, sebagai penjajah-penjajah lain, tujuan asal British datang ke Sarawak adalah kerana kekayaan ekonomi negeri Sarawak. Untuk menguasai ekonomi, British perlu campur tangan dalam pentadbiran di Sarawak terlebih dahulu. Bagi menggerakkan pembangunan ekonomi di kawasan jajahannya, British harus menjaga kepentingan pegawainya, pelabur dan tenaga buruh. Ini kerana mereka merupakan elemen penting dalam kemajuan ekonomi di Sarawak. Oleh itu, British membawa masuk buruh asing dari luar Sarawak, menyediakan pendidikan, kemudahan kesihatan, sistem perhubungan dan menggalakkan penubuhan pertubuhan untuk menjaga kepentingan tenaga buruh dalam sektor ekonomi berkenaan. Namun demikian, perkembangan aspek sosial ini kemudian turut memberi kemudahan kepada penduduk di Sarawak. Penelitian tentang pembangunan aspek-aspek sosial ini adalah penting kerana ia meletakkan asas dalam mewujudkan negeri Sarawak yang maju dan membangun.

Pertumbuhan Penduduk

Sarawak mempunyai sebuah masyarakat bersifat majmuk yang mana penduduknya terdiri daripada berbagai-bagai suku kaum. Terdapat lebih kurang 30 suku kaum dengan kepercayaan dan cara hidup yang berbeza tetapi mereka telah bersama-sama memberi

sumbangan kepada pembangunan negeri Sarawak. Jumlah penduduk di Sarawak terus berkembang di bawah pentadbiran British yang stabil dan keadaan kesihatan serta kemudahan sosial yang lebih baik. Penduduk yang ramai adalah modal asas dalam memastikan perkembangan ekonomi negeri Sarawak dan seterusnya menggerakkan pentadbiran British di negeri ini.

Secara umumnya, penduduk Sarawak boleh dibahagikan kepada dua kumpulan yang besar, iaitu golongan Bumiputera dan golongan pendatang. Dalam banci penduduk, Bumiputera didefinisikan sebagai "mereka yang mengakui tidak memberi kesetiaan kepada mana-mana kawasan asing dan percaya mereka adalah sebahagian daripada kawasan ini serta mereka yang dianggap sebagai Bumiputera oleh komunitinya".⁸ Golongan Bumiputera di Sarawak boleh dibahagikan lagi kepada dua kumpulan, iaitu Bumiputera yang beragama Islam termasuklah orang Melayu dan Melanau. Penduduk Bumiputera bukan beragama Islam pula merujuk kepada orang Dayak. Kumpulan Dayak termasuklah Iban (Dayak Laut), Bidayuh (Dayak Darat), Kenyah, Kayan, Kedayan, Kelabit, Punan, Lun Bawang, Orang Ulu, Bukitan, Bisayah, Dusun, Kajang, Lugat, Lisum, Murut, Penan, Sian, Tegal, Ukit dan lain-lain.⁹ Di kalangan mereka, orang Iban merupakan penduduk majoriti di negeri Sarawak. Golongan pendatang pula terdiri daripada orang Cina, orang Eropah dan lain-lain.

Dalam masyarakat Sarawak, orang Iban membentuk kumpulan terbesar, diikuti dengan orang Cina, orang Melayu, Bidayuh, Melanau dan lain-lain sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 1. Jumlah penduduk bebilang kaum di Sarawak terus meningkat dari tahun 1939 hingga 1947 dan 1960. Antaranya, peningkatan penduduk yang paling pesat berlaku di kalangan orang Cina dan diikuti dengan orang Iban.

Jadual 1
Jumlah Penduduk Di Sarawak Berdasarkan Kaum Pada Tahun 1939-1960

Tahun/Kaum	1939 (orang)	1947 (orang)	1960 (orang)
Iban	167,700	190,326	237,741
Cina	123,626	145,158	229,154
Melayu	92,709	97,469	129,300
Bidayuh	36,965	42,195	57,619
Melanau	36,774	35,560	44,661
Bumiputera Lain	27,534	29,867	37,931
Eropah	709	691	1,631
Lain-lain	4,579	5,119	6,492
Jumlah	490,585	546,385	744,529

Sumber: L.W. Jones, *Report On the Census of Population Taken on 15 June 1960*.¹⁰

Sementara itu, Jadual 2 menunjukkan pertumbuhan penduduk di negeri Sarawak dari tahun 1947 hingga 1962. Berdasarkan jadual adalah jelas bahawa jumlah penduduk di negeri Sarawak meningkat dengan menggalakkan ketika Sarawak di bawah pentadbiran British. Keadaan ini berlaku kerana pentadbiran British telah mewujudkan kestabilan dan ketenteraman di negeri Sarawak. Selain itu, dengan adanya kemudahan hidup yang disediakan dan peluang ekonomi yang banyak juga membawa kepada berlakunya pertumbuhan positif jumlah penduduk Sarawak. Jumlah penduduk yang besar itu penting dalam membentuk kekuatan sumber tenaga di negeri Sarawak bagi menjayakan pentadbiran kerajaan, berperanan dalam kemajuan sektor ekonomi dan pembangunan sosial di negeri itu. Ini kerana untuk membangunkan pelbagai sektor ekonomi Sarawak, sumber tenaga diperlukan. Perkembangan ekonomi pula mendatangkan hasil pendapatan kepada kerajaan dan seterusnya membolehkan British terus menguasai ekonomi serta pentadbiran di negeri Sarawak. Pada masa yang sama, untuk menggerakkan ekonomi di Sarawak, British telah menyediakan kemudahan asas dan awam yang pada asalnya bagi kepentingan ekonomi, tetapi turut dapat digunakan oleh penduduk.

Jadual 2
Pertumbuhan Penduduk di Negeri Sarawak, 1947-1962

Tahun	Jumlah (orang)
1947	546,385
1948	552,000
1949	555,020
1950	562,197
1951	-
1952	-
1953	596,790
1954	601,958*
1955	613,879*
1956	631,431
1957	648,362
1958	-
1959	703,525
1960	744,529
1961	760,099*
1962	776,990

* Angka tahun 1954, 1955 dan 1961 hanya merangkumi bulan Januari hingga Jun.¹¹

Pendidikan

Pendidikan merupakan aspek penting dalam melahirkan masyarakat yang celik huruf, boleh berfikir dengan baik dan berkesedaran tinggi terhadap nasib bangsa mereka sendiri. Golongan inilah yang kemudian menjadi pelopor gerakan kesedaran dan gerakan politik di negeri Sarawak. Antaranya, telah muncul Gerakan Anti-Penyerahan di Sarawak dari tahun 1946 hingga 1951 yang melibatkan pemuda-pemuda Melayu berpendidikan dan sebilangan orang Dayak di Bahagian Pertama Sarawak (Kuching). Mereka bangkit menentang pengambilan pentadbiran negeri Sarawak oleh British. Pendidikan juga melahirkan kesedaran di kalangan penduduk Sarawak tentang perlunya dibentuk pertubuhan politik bagi menjaga kepentingan dan memperjuangkan nasib bangsanya. Dengan itu, misalnya, di bawah pimpinan Datu Mustapha, parti politik Melayu yang pertama, Parti Negara Sarawak (PANAS) telah ditubuhkan pada April 1960 dan Sarawak National Party (SNAP) pada April 1961 oleh Stephen Kalong Ningkan dan rakan-rakannya.

Di negeri Sarawak, selepas Perang Dunia Kedua, pihak kerajaan British, para mubaligh dan pengelola sekolah Cina telah mula berusaha untuk membuka semula sekolah-sekolah yang terbantut perkembangannya semasa perang. Tindakan pentadbiran British bukanlah bertujuan memajukan pendidikan untuk penduduk, tetapi disebabkan penglibatan campur tangan pihak lain seperti mubaligh serta tuntutan masyarakat untuk mendapatkan pendidikan telah menyebabkan penyertaan British dalam menyediakan kemudahan pendidikan. Melalui penglibatan itu juga British dapat memenangi sokongan penduduk dan membolehkan pentadbirannya diteruskan di Sarawak. Bagaimanapun, pada penghujung tahun 1946, sejumlah 73 sekolah kerajaan, 30 sekolah mubaligh, 3 sekolah swasta dan 173 sekolah Cina yang menyediakan kemudahan pendidikan kepada penduduk di negeri Sarawak.¹²

Begitu juga, pendidikan di negeri Sarawak telah kembali menampakkan peningkatan selepas era penaklukan Jepun. Jumlah kehadiran pelajar di sekolah rendah dan menengah di Sarawak semakin meningkat dari tahun demi tahun di antara tahun 1946 hingga 1963 sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 3. Begitu juga, daapt dilihat telah berlaku peningkatan dalam bilangan sekolah rendah dan sekolah menengah di negeri Sarawak selepas Perang. Ini berikutan dengan kesedaran di kalangan ibu bapa tentang pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka selepas Perang. Peningkatan bilangan sekolah juga adalah hasil usaha pihak mubaligh dalam kegiatan menyebarkan ajaran kristian sambil menjaga kebajikan penduduk Sarawak. Impak daripada usaha mubaligh ini telah membawa kepada perkembangan pendidikan bukan sahaja di kawasan bandar tetapi juga luar Bandar di negeri Sarawak. Sehingga hari ini, bekas sekolah mubaligh masih digunakan walaupun pengurusan sekolah telah diambil alih oleh kerajaan Sarawak.

Jadual 3
Kehadiran Pelajar di Sekolah Rendah dan Menengah, 1941 dan 1946-1963

Tahun	Sekolah Rendah	Sekolah Menengah	Jumlah
1941	-	-	22,344
1946	-	-	28,171
1948	32,414	1,050	33,464
1949	34,526	1,296	35,628
1950	37,670	1,753	39,656
1951	39,734	2,550	42,284
1952	41,914	3,537	45,451
1953	44,499	4,573	49,072
1954	47,543	5,245	52,788
1955	53,257	6,271	59,528
1956	61,852	7,174	69,026
1957	71,414	7,993	79,407
1958	82,216	8,716	90,932
1959	88,587	8,556	97,143
1960	94,773	9,266	104,039
1961	97,577	11,244	108,821
1962	99,691	14,779	114,470
1963	105,885	17,727	123,612

Sumber: *Annual Report on Sarawak for the year 1947*.¹³

Aspek pendidikan di negeri Sarawak di bawah pentadbiran British telah memperlihatkan berlakunya beberapa perubahan besar. Antaranya, pihak gereja dan para mubaligh telah memperluaskan aktiviti mendakwah dan menyediakan kemudahan pendidikan (membina sekolah Inggeris) selepas perang di kawasan luar bandar yang kebanyakannya penduduknya terdiri daripada Bumiputera bukan Islam. Pada tahun 1946, cuma terdapat 30 buah sekolah Inggeris (sekolah mubaligh) yang didirikan oleh para mubaligh dengan jumlah pelajar 4,181 orang. Tetapi pada penghujung tahun 1947, jumlah sekolah Inggeris telah meningkat menjadi 58 dengan murid seramai 5,087 orang.¹⁴ Bilangan sekolah Inggeris ini terus meningkat sebagaimana dalam Jadual 4. Kebanyakan sekolah Inggeris baru yang dibuka ini terletak di kawasan luar bandar untuk menyediakan peluang pendidikan kepada penduduk Bumiputera.

Jadual 4
Perkembangan Sekolah di Sarawak di bawah Pentadbiran British, 1946-1960

Tahun	Sekolah Kerajaan/ Sekolah Daerah	Sekolah di bawah Lembaga Tempatan (Local Authority Schools)	Sekolah Cina	Sekolah Swasta (Private Native School)	Sekolah Mubaligh (Sekolah Inggeris)
1946	73	-	173	3	30
1947	72	-	192	8	58
1948	56	18	204	30	56
1949	50	40	209	38	59
1950	47	67	215	35	59
1951	45	74	216	30	69
1952	41	94	226	36	71
1953	41	99	238	49	85
1954	37	112	242	54	94
1955	-	112	248	-	132
1956	-	150	236	-	148
1957	-	270	253	-	159
1958	-	338	266	-	163
1959	-	386	268	-	146
1960	-	433	261	5	175

Sumber: Sarawak Education Department, *Triennial Survey, 1958-1960*.¹⁵

Kesedaran di kalangan masyarakat Bumiputera selain daripada orang Melayu dan Melanau terhadap pentingnya pendidikan telah meningkat selepas perang. Mereka mula menuntut supaya pendidikan diberi kepada anak-anak mereka. Pada penghujung tahun 1947, terdapat 17 buah sekolah kerajaan telah dibina untuk memenuhi permintaan kaum Bumiputera bukan Islam seperti kaum Iban, Bidayuh, Kenyah, Kayan dan Murut berbanding dengan hanya terdapat sebuah sekolah seperti itu pada zaman Brooke.¹⁶ Pada lewat tahun 1948, terdapat sejumlah lebih daripada 3,700 kanak-kanak golongan ini yang hadir di sekolah berbanding dengan hanya kira-kira 100 orang sahaja sebelum perang.¹⁷ Daripada Jadual 4, dapat dilihat sekolah jenis ini terus meningkat sehingga mencapai 433 buah pada tahun 1960.

Satu lagi perkembangan baru dalam pendidikan di Sarawak pada zaman kolonial British ialah kemunculan Sekolah Rakyat. Sekolah ini ditubuhkan atas inisiatif dan usaha komuniti Melayu dan Dayak setelah melihat ramai anak-anak tempatan tidak bersekolah kerana sebilangan sekolah kerajaan telah ditutup kesan daripada gerakan anti-penyerahan di

Sarawak. Pada masa yang sama, sekolah kerajaan yang sedia ada pula terlalu jauh dari tempat tinggal mereka, maka sukar untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah. Sekolah Rakyat adalah serba kekurangan terutamanya dari segi kemudahan pengajaran dan infrastruktur. Pada permulaannya, sekolah ini menyediakan pendidikan percuma tetapi kemudian yuran dikenakan bagi membiayai perjalanan persekolahan termasuklah membayar gaji guru. Walaupun sekolah ini dikategorikan sebagai sekolah swasta pribumi (*Private Native School*) oleh pihak kerajaan tetapi pada tahun 1951, kolonial British bersetuju memberi bantuan kewangan kepada Sekolah Rakyat.

Sekolah Rakyat memperlihatkan pertumbuhan yang pesat semenjak akhir tahun 1947. Ini kerana Sekolah Rakyat dapat memberi peluang pendidikan kepada anak-anak penduduk kampung terpencil yang tidak berapa menerima sekolah yang disediakan oleh mubaligh (atas kebimbangan anak-anak akan terpengaruh dengan ajaran Kristian) dan tempat tinggal mereka jauh pula dari sekolah kerajaan. Pada lewat tahun 1947, terdapat lapan buah Sekolah Rakyat yang dibuka di Kuching, Sibuan dan Kapit, dengan 18 orang guru dan 591 orang pelajar.¹⁸ Terdapat 30 buah sekolah dengan 47 guru dan sejumlah 1,563 orang pelajar pada tahun 1948.¹⁹ Pada tahun 1952, dua Sekolah Rakyat telah ditubuhkan di kawasan pedalaman, iaitu di kawasan petempatan kaum Kelabit dan Kayan di Ulu Balui.²⁰ Sehingga tahun 1954, terdapat sejumlah 54 Sekolah Rakyat dengan 66 guru dan 2,573 pelajar di Sarawak.²¹ Perkembangan Sekolah Rakyat dapat dilihat dalam Jadual 4. Kurikulum yang diajar adalah sama dengan sekolah kerajaan yang lain. Pentadbiran Sekolah Rakyat dijalankan secara berasingan oleh lembaga pengelola sekolah masing-masing. Disebabkan masalah kewangan, kebanyakan sekolah itu diambil alih oleh kerajaan pada tahun 1960. Pada tahun 1960, hanya terdapat lima buah sekolah swasta (Sekolah Rakyat) yang diuruskan oleh jawatankuasa yang memberi perkhidmatan kepada golongan Bumiputera di Sarawak.²²

Sekolah kerajaan (sekolah rendah Melayu) terdiri daripada sekolah di kampung yang kemudian dikenali sebagai Sekolah Daerah pada tahun 1953. Daripada Jadual 4, dapat dilihat bahawa bilangan sekolah kerajaan semakin berkurangan dari tahun 1946 sehingga 1954. Ini ekoran daripada perkembangan peluang pendidikan apabila pelbagai jenis sekolah ditubuhkan sama ada oleh kerajaan, orang perseorangan atau badan mubaligh. Tambahan pula, peluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah menengah bagi kanak-kanak Melayu adalah sukar kerana di negeri Sarawak hanya terdapat dua buah sekolah menengah pada awal tahun 1950-an, iaitu Madrasah Melayu dan sekolah Batu Lintang di Kuching. Tanggungjawab membina dan mengendalikan sekolah rendah Melayu ini kemudian secara perlahan-lahan telah diserahkan kepada Lembaga Tempatan (*Local Authority*) yang mula ditubuhkan pada tahun 1948. Sejak itu, tiada lagi sekolah rendah Melayu yang ditubuhkan oleh kerajaan kolonial British di Sarawak.

Di Sarawak, sekolah Cina berkembang dengan paling pesat selepas perang berbanding dengan sekolah lain. Ini selaras dengan pertumbuhan penduduk Cina yang paling pesat sebagaimana yang telah dinyatakan sebelum ini. Perkembangan sekolah Cina dapat dilihat melalui Jadual 4. Terdapat 173 buah sekolah Cina pada tahun 1946, meningkat kepada 192 pada tahun 1947. Pada tahun 1947, daripada 192 buah sekolah Cina, 68 buah menerima bantuan kewangan kerajaan.²³ Pada tahun 1948, terdapat 204 sekolah Cina di Sarawak.²⁴ Sehingga tahun 1960, daripada 261 buah sekolah yang diuruskan oleh Lembaga Pengurusan Sekolah Cina, 231 buah sekolah menerima bantuan dari kerajaan.²⁵

Sekolah menengah juga ditubuhkan pada zaman kolonial British kesan daripada kesedaran penduduk tentang kepentingan pendidikan. Namun demikian, perkembangannya adalah amat perlahan sekali. Pada zaman kolonial British, jumlah pelajar di sekolah menengah telah meningkat dari 1,050 orang pada tahun 1948 kepada 5,245 orang pada tahun 1954 dan 17,727 orang pada tahun 1963.²⁶ Pada tahun 1948, gabungan pusat latihan guru dan sekolah menengah telah diwujudkan di Batu Lintang bagi menyediakan pendidikan lanjutan kepada penduduk.²⁷ Pada tahun 1952, mata pelajaran sains mula diajar di sekolah menengah.²⁸ Usaha menyediakan pendidikan menengah banyak bergantung kepada badan mubaligh dan pengelola sekolah Cina. Sehingga tahun 1954, terdapat 17 sekolah mubaligh (sekolah menengah) dengan 1,861 orang pelajar di Sarawak. Manakala, daripada jumlah 5,245 orang pelajar sekolah menengah di Sarawak, 60% datang dari sekolah menengah di bawah kelolaan orang Cina.²⁹ Pada tahun 1957, sekolah menengah kerajaan ditubuhkan di Tanjong Lobang, Miri. Pada tahun itu juga pembinaan sebuah sekolah menengah kerajaan sedang dilakukan di Batu 24, Jalan Kuching-Serian.³⁰ Jadual 5 menunjukkan bilangan sekolah dan jumlah pelajar sekolah menengah di Sarawak pada tahun 1957.

Jadual 5
Bilangan Sekolah dan Pelajar di Sekolah Menengah Pada September 1957

Jenis Sekolah	Bilangan Sekolah	Jumlah Pelajar
Sekolah Kerajaan	3	335
Sekolah Mubaligh (aliran Inggeris)	17	2,634
Sekolah Mubaligh (aliran Cina)	2	642
Sekolah Cina	12	4,278
Sekolah Swasta	2	104
Jumlah	36	7,993

Sumber: Ubahsuai dari *Sarawak Education Department Annual Summary For 1957*, Table 1A, dalam C.O. 802/14, Annual Reports: Part 1 (1956-1960).

Sekolah menengah kerajaan didirikan di Kanowit pada tahun 1958 dan sebuah lagi dimulakan pada tahun 1959 di Jalan Kuching-Simanggang. Dua buah lagi sekolah menengah kerajaan dibina pada tahun 1961 di Mukah dan Simanggang.³¹ Pada tahun 1961, negeri Sarawak sudah mempunyai sejumlah lima buah sekolah menengah kerajaan. Tiga buah lagi sekolah menengah Inggeris kerajaan dibuka pada tahun 1962, iaitu di Bau, Saratok dan Limbang. Menjelang penubuhan Malaysia, terdapat sembilan buah sekolah menengah kerajaan di negeri Sarawak di samping dua buah lagi sekolah menengah kerajaan sedang dirancang pembinaannya di Bintulu dan Marudi.³² Walau bagaimanapun, pada tahun 1963, terdapat sejumlah 67 buah sekolah menengah yang menyediakan kemudahan pendidikan kepada anak-anak tempatan hasil daripada usaha badan mubaligh dan orang perseorangan selain kerajaan.³³

Bagaimanapun, perkembangan pendidikan di negeri Sarawak telah melahirkan jurang persekolahan dan perbezaan mutu pendidikan di kalangan sekolah berlainan aliran. Disebabkan kemunduran ekonomi golongan Bumiputera, sukar bagi mereka untuk menanggung beban kewangan persekolahan di sekolah swasta dan sekolah di bawah pengurusan Lembaga Tempatan. Keadaan ini menyebabkan taraf pendidikan yang diperolehi oleh golongan Bumiputera lebih rendah daripada orang Cina khususnya. Ini kerana secara tradisi, orang Cina amat mementingkan pendidikan untuk anak-anak mereka. Oleh itu, mereka bergerak dengan giat dalam menyediakan kemudahan pendidikan kepada generasi muda mereka. Lagipun, orang Cina mempunyai kekuatan sumber kewangan yang dapat membiayai pendidikan anak-anak mereka.

Perbezaan jurang pendidikan ini kemudian telah diketahui oleh kerajaan British di negeri Sarawak dan usaha mula diambil untuk mengurangkan masalah itu. Untuk mengurangkan jurang perbezaan dari segi kualiti dan kuantiti sekolah di Sarawak, kolonial British telah melantik E.W. Woodhead, Ketua Pegawai Pendidikan dari Kent, England untuk mengkaji dan membuat cadangan bagi mengatasi kelemahan dalam sistem pendidikan di negeri Sarawak. Woodhead telah memulakan kajian pada tahun 1954 dan menyerahkan laporannya pada lewat 1955. Di dalam laporannya, Woodhead telah membangkitkan kelemahan-kelemahan dalam sistem pendidikan sekolah rendah; kurikulum sekolah seperti dalam mata pelajaran seni lukis, pertukangan tangan, pendidikan jasmani dan muzik. Beliau juga mengemukakan masalah kekurangan buku teks yang sesuai di sekolah dan cara pembahagian peruntukan geran kewangan kepada sekolah yang tidak sistematik dan seimbang. Beliau mengemukakan cadangan untuk mewujudkan beberapa jenis latihan bagi pelajar lepasan sekolah supaya mereka boleh melengkapkan diri sebelum menceburi bidang pekerjaan. Kursus seperti perdagangan dan pra-jururawat harus diadakan. Biasiswa harus disediakan kepada pelajar yang kurang mampu tetapi berpotensi supaya mereka dapat melanjutkan pelajaran di dalam atau di luar negeri. Hasil daripada laporan Woodhead, Kertas Putih dikeluarkan oleh kerajaan berkenaan pembiayaan pendidikan (bantuan kewangan kerajaan) di negeri Sarawak supaya kerajaan dapat mengawal perkembangan sekolah-sekolah di negeri Sarawak. Hasilnya, Kod Geran diluluskan pada Oktober 1955 dan semua sekolah dialu-alukan untuk memohon geran itu.³⁴ Majoriti sekolah di Sarawak menerima geran tersebut.

Perlaksanaan Kod Geran 1955 telah membawa kepada pertambahan bilangan pelajar di sekolah di seluruh negeri Sarawak. Pertambahan pelajar di sekolah rendah memberi beban kepada sekolah menengah dari segi mutu pendidikan dan kewangan. Menyedari itu, kerajaan negeri Sarawak telah mengundang David McLellan, penasihat pendidikan British untuk mengkaji semula sistem pendidikan menengah di negeri Sarawak. Laporan McLellan diterbitkan pada Februari 1960. Beliau mencadangkan pemilihan pelajar sekolah rendah ke sekolah menengah. 25% hingga 30% pelajar sekolah rendah yang berkebolehan dipilih ke sekolah menengah. Bagi pelajar yang tidak terpilih, McLellan mencadangkan supaya sekolah menengah swasta dibuka ataupun bangunan sekolah kerajaan digunakan pada sebelah petang atau malam bagi menyediakan peluang pendidikan kepada golongan yang tidak dapat memasuki sekolah menengah kerajaan. Selain itu, McLellan juga mencadangkan agar medium pengajaran di sekolah menengah perlu menggunakan bahasa Inggeris.³⁵ Secara keseluruhan, laporan pendidikan ini tidak banyak mengubah keadaan pendidikan di negeri Sarawak.

Kesihatan dan Perubatan

Pada zaman kolonial British, penyediaan perkhidmatan kesihatan dan perubatan bergantung kepada kerajaan, para mubaligh dan badan persendirian. Di bandar utama di negeri Sarawak, hospital didirikan untuk menyediakan perkhidmatan perubatan dan kesihatan kepada penduduk khususnya para pelabur, pegawai British dan buruh-buruh. Pada tahun 1947, pihak kerajaan menguruskan dua buah hospital dan 22 buah dispensari di Sarawak.³⁶ Sehingga akhir tahun 1950, kerajaan telah mengendalikan tiga buah hospital, 24 buah dispensari luar bandar dan 17 buah dispensari bergerak. Kebanyakan dispensari luar bandar mempunyai enam hingga 12 buah katil pesakit.³⁷ Sehingga lewat tahun 1962, kelima-lima Bahagian di negeri Sarawak, iaitu Kuching, Sri Aman, Sibul, Miri dan Kapit telah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah hospital di Bahagian masing-masing. Dispensari baru telah dibuka di Tebakang, Nonok, Lubok Antu, Engkilili, Sebuyau, Spaoh, Debak, Kabong, Binatang, Balingian, Julau dan Song menjelang tahun 1962. Di bawah pentadbiran British, jumlah dispensari statik untuk pesakit luar yang memberi perkhidmatan di kawasan luar bandar telah meningkat dari 22 buah pada tahun 1947 kepada 30 buah pada lewat 1962.³⁸ Sehingga tahun 1963, terdapat enam hospital kerajaan di Sarawak, iaitu Kuching General Hospital, Lau King Hau Hospital di Sibul, Simanggang General Hospital, Miri General Hospital, Limbang Hospital dan Sarikei Hospital. Selain itu, terdapat 33 dispensari tetap dan 10 dispensari bergerak yang menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan di seluruh Sarawak.³⁹

Pada tahun 1948, Kuching General Hospital telah mempunyai 367 buah katil pesakit, termasuk 100 buah katil untuk pesakit mental dan menyediakan perkhidmatan x-ray.⁴⁰ Pelan untuk memperbesar hospital tersebut turut dirancang pada tahun 1963 untuk menambahkan katil pesakit kepada 500-600 buah. Selain itu, pada tahun 1957, sebuah klinik kesihatan ibu dan kanak-kanak dibina di Jalan Sekama, Kuching. Sibul Lau King Hau Hospital menyediakan perkhidmatan kesihatan dan perubatan untuk penduduk di Sibul dan Bahagian Ketiga. Hospital itu berkembang dengan pesat, dari 50 buah katil pesakit pada tahun 1947 kepada 101 buah pada tahun 1950 dan 280 buah pada lewat tahun 1962.⁴¹ Sarawak Shell Oilfields Limited (SSOL) yang bertempat di Miri mengendalikan sebuah hospital yang mengandungi 124 buah katil pesakit untuk para pekerja dan orang awam dengan bayaran oleh kerajaan. Pada tahun 1950, SSOL telah membuka sebuah hospital tibi dengan sumbangan kewangan SSOL dan pihak kerajaan. Kedua-dua hospital di Miri itu diambil alih oleh kerajaan kolonial British pada tahun 1960.⁴² Pada tahun 1956, sebuah hospital mental sedang dibina di Batu 7, Jalan Simanggang.⁴³

Manakala, di pekan-pekan di negeri Sarawak, perkhidmatan kesihatan dan perubatan disediakan melalui dispensari. Contohnya, dispensari di Limbang menyediakan kemudahan kesihatan dan perubatan kepada penduduk di Bahagian Kelima Sarawak. Begitu juga, dispensari (20 buah katil dengan seorang pegawai perubatan) terdapat di Simanggang pada tahun 1949⁴⁴ dan kemudian ditingkatkan kepada taraf hospital pada tahun 1950. Hospital ini menyediakan 100 buah katil pesakit pada tahun 1958.⁴⁵ Manakala, pada tahun 1957, dispensari di Song telah siap dibina dan pada amsa yang sama, sebuah hospital Roman Catholic Mission serta dispensari di Long San, Limbang, Nonok dan Mukah turut dirancang pembinaannya.⁴⁶ Pada awal tahun 1962, dispensari di Sarikei telah digantikan dengan hospital yang mempunyai 40 buah katil pesakit dan sebuah hospital kecil dirancang dibina di Lundu pada tahun 1963. Selain itu, terdapat dispensari

bergerak yang memberi perkhidmatan kepada penduduk di luar bandar. Namun begitu, berikutan peningkatan kemudahan berulang alik dengan adanya motor dan pembinaan jalan, pergantungan penduduk kepada dispensari bergerak mula berkurangan pada awal tahun 1960-an.⁴⁷

Pada masa yang sama, peranan para mubaligh juga penting dalam penyediaan perkhidmatan perubatan dan kesihatan di negeri Sarawak. Dengan bantuan kerajaan, *Roman Catholic Mission* telah dapat membuka sebuah pusat kesihatan ibu di Long San di Sungai Baram pada tahun 1957. Pada tahun yang sama, klinik baru dibuka di Song, Bahagian Ketiga dan Sebuyau di Bahagian Kedua Sarawak.⁴⁸ Sebuah hospital dengan 40 buah katil pesakit telah ditubuhkan di Kapit oleh *Methodist Mission* pada lewat tahun 1950-an yang menyediakan kemudahan perubatan dan kesihatan kepada penduduk di kawasan pedalaman di Bahagian Ketiga negeri Sarawak.

Ketika pentadbiran British di Sarawak, perhatian juga diberi kepada kempen mengawal penyakit termasuk malaria, tibi, penyakit puru dan beguk. Antaranya, kerajaan mengadakan kempen meningkatkan kebersihan persekitaran kepada penduduk Sarawak pada tahun 1957.⁴⁹ Sementara itu, usaha menjaga kesihatan penduduk negeri Sarawak dapat dilihat dimana pada tahun 1959, Jabatan Perubatan telah memberi suntikan percuma dalam mencegah kancing gigi, *whooping cough*, cacar dan cirit-birit.⁵⁰

Dengan adanya perhatian yang diberi serta kemudahan kesihatan dan perubatan yang disediakan sama ada oleh pihak kerajaan, pihak persendirian ataupun pihak mubaligh, telah meninggalkan impak yang penting dalam perkembangan sosial di negeri Sarawak. Keadaan kesihatan pegawai pentadbir, pelabur, tenaga buruh, penduduk dan pelbagai pihak yang ada di negeri Sarawak telah menyumbangkan kepada kelahiran sebuah masyarakat yang sihat dan dinamik. Sebagai contohnya, penularan penyakit seperti malaria di negeri Sarawak telah dapat dikawal oleh pihak berkuasa. Penyakit malaria merebak dengan meluas di negeri Sarawak selepas Perang Dunia Kedua dimana 30,000 kes dilaporkan pada tahun 1946. Namun, angka ini telah jatuh sehingga 1,139 kes sahaja berlaku di seluruh negeri Sarawak pada tahun 1961.⁵¹ Dengan keadaan kesihatan yang semakin baik, maka kekuatan sumber tenaga bagi menjana ekonomi di negeri Sarawak terus berkembang. Dengan itu, ekonomi negeri Sarawak terus tumbuh dan membawa kepada kemajuan negeri Sarawak.

Kemudahan Asas

Satu lagi pembangunan sosial di negeri Sarawak pada zaman pentadbiran kolonial British dapat dilihat dalam aspek penyediaan kemudahan asas khasnya untuk kemudahan para pelabur dan pegawai British di kawasan bandar. Namun begitu, penduduk setempat kemudian turut dapat menggunakan kemudahan ini. Pada zaman kolonial British di negeri Sarawak, bandar utama dan bandar kecil seperti Kuching, Miri dan Sibu telah dibekalkan kemudahan bekalan air paip. Pada awal tahun 1950-an, kerja penyelidikan dan pemeriksaan sistem pembekalan air di negeri Sarawak dijalankan. Dengan itu, sistem pembekalan air paip baru dipasang di Simunjan, Bau, pekan Batu 7 Kuching, Simanggang, Sarikei, Binatang, Miri, Limbang dan Lawas. Lembaga air telah didirikan di Kuching dan Sibu di bawah *The Water Supply (Amendment) Ordinances, 1958*, dan SSOL di Miri yang bertanggungjawab dalam membekalkan air kepada penduduk di Miri. Dengan pinjaman kewangan kerajaan kepada lembaga air dan pihak berkuasa, skim air paip

dapat disediakan kepada pusat petempatan kecil. Pada awal tahun 1960-an, pembekalan air awam telah disediakan kepada tujuh pusat penduduk, iaitu Lundu, Simanggang, Sarikei, Binatang, Kanowit, Kapit dan Lawas. Dalam Rancangan Pembangunan 1959-1963, sejumlah \$18,950,654 telah diperuntukkan untuk penyediaan dan peningkatan pembekalan air di negeri Sarawak.⁵² Sementara itu, penduduk di kawasan luar bandar masih bergantung kepada air sungai, air hujan atau air perigi menjelang pembentukan Malaysia.

Pembekalan letrik kepada kawasan bandar di Sarawak telah dimulakan sebelum Perang Dunia Kedua lagi, iaitu semasa pemerintahan Raja Brooke. Tanggungjawab itu dipegang oleh Sarawak Electricity Supply Company (Sesco) sejak tahun 1932 dan diteruskan pada zaman pentadbiran kolonial British.⁵³ Kerosakan yang dilakukan ketika perang telah dipulihkan oleh British setelah menguasai negeri Sarawak. Di Kuching, Sibu dan Miri, kerja pemulihan dan peningkatan bekalan letrik dilakukan oleh kolonial British selepas perang. Disebabkan kerosakan teruk yang dilakukan oleh tentera Jepun di Mukah dan Bintulu, pembekalan letrik selama 12 jam sehari sahaja mampu dilakukan pada tahun 1948.⁵⁴ Manakala, stesen penjana letrik di Simanggang, Sarikei dan Binatang dapat diteruskan selepas perang. Begitu juga, di bawah British, pembekalan letrik berdasarkan stesen penjana kecil telah dimulakan di Betong pada tahun 1948, Bazar Batu 10 Bau, Kuching-Serian Road, Kanowit, Marudi dan Limbang pada tahun 1953, Serian pada tahun 1954.⁵⁵ Menjelang tahun 1962, tapak-tapak yang berpotensi untuk skim hidroelektrik bagi menyediakan bekalan letrik untuk masa depan di negeri Sarawak telah dikenalpasti. Antaranya, Batang Ai, Batang Baram (Lower dan Upper), Batang Baleh, Batang Belaga, Batang Balui, Sungai Linau, Batang Tutoh dan batang Limbang (Upper).⁵⁶ Boleh dikatakan pembekalan letrik di negeri Sarawak mengalami perkembangan yang positif pada zaman pentadbiran British.

Sistem telekomunikasi seperti perkhidmatan telegraf dan kemudahan telefon di negeri Sarawak telah diperluaskan dan bertambah maju pada zaman pentadbiran British. Pada tahun 1948, terdapat 19 buah stesen telegraf yang beroperasi di negeri Sarawak. Pada tahun itu juga, sebuah alat pemancar baru dipasang di Kuching untuk litaran Kuching-Singapura. Pada masa yang sama, kerja membaiki stesen telegraf di Miri bermula pada November 1948 dan kerja itu dapat disiapkan pada lewat tahun 1948. Stesen telegraf di Tatau pula dalam proses pembinaan pada tahun 1948. Untuk meningkatkan kecekapan sistem perhubungan di Sarawak, kerajaan telah memperuntukkan \$6,710,660 untuk memasang sistem radio-telefon VHF dalam Rancangan Pembangunan 1951-1957.⁵⁷ Sementara itu, jumlah alat telefon yang digunakan di Sarawak telah meningkat dari tahun 1952 sehingga tahun 1963 sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6
Bilangan Alat Telefon yang digunakan, 1952-1963

Tahun	Bilangan
1952	750
1953	720
1954	720
1955	1,257
1956	1,931
1957	2,135
1958	2,682
1959	2,981
1960	3,359
1961	3,697
1962	4,131
1963	6,451

Sumber: *Sarawak Annual Report 1956-62*,

Peningkatan penggunaan telefon sebagai alat komunikasi ini menunjukkan bahawa telah berlaku perkembangan perhubungan antara pelbagai pihak di negeri Sarawak dan antara pihak Sarawak dengan pihak luar. Perkembangan ini penting terutama bagi pihak kerajaan dan para pelabur, tetapi ia juga amat bermakna kepada penduduk tempatan. Bagi kerajaan, kemajuan ini memudahkan pentadbir British berhubung dengan Kerajaan Britain dan mengetahui segala perkembangan di tanah jajahannya. Kemudahan telekomunikasi ini juga penting bagi pelabur untuk mengetahui perkembangan pasaran ekonomi di luar Sarawak. Manakala, bagi penduduk pula, ia meningkatkan lagi interaksi antara mereka sesama dengan lebih mudah.

Sistem Pengangkutan

Pembangunan dari aspek sistem pengangkutan di negeri Sarawak ketika pentadbiran British juga diusahakan dengan tujuan untuk melicinkan pentadbiran, memudahkan perhubungan pegawai British dan pelabur serta meningkatkan perkembangan ekonomi British di negeri itu. Bagaimanapun, pembangunan itu secara tidak langsung turut dapat dinikmati oleh penduduk setempat. Di bawah kolonial British, jalan raya di negeri Sarawak telah ditingkatkan dan jalan baru dibina seperti di kawasan Sibu, Bau, Serian dan lain-lain. Namun demikian, sehingga tahun 1950, keutamaan lebih diberi kepada pemuliharaan jalan-jalan yang telah sedia ada. Manakala, pembinaan jalan baru hanya mula diberi perhatian selepas tahun 1950. Pelan Pembangunan 1951-1957 telah memperuntukkan \$12,720,000 untuk pembinaan jalan utama dari Serian ke Simanggang sejauh 90 batu dan jalan itu siap dibina pada lewat tahun 1952.⁵⁸ Jalan perhubungan sepanjang 35 km menghubungkan

Sarikei dengan Binatang siap pada tahun 1961. Selain itu, jalan sepanjang 29 km dari Simanggang ke Engkilili dan jalan sepanjang 16 km dari Limbang ke Pandaruan telah dibina. Pembinaan jalan perhubungan juga dilakukan untuk menghubungkan satu kawasan dengan kawasan yang jauh. Misalnya, dalam Pelan Pembangunan 1959-1963, jalan telah dibina dari Sematan di bahagian barat (Bahagian Pertama) ke Durin di Sungai Rejang berdekatan dengan Sibul. Jalan ini dibina melalui kawasan pedalaman yang padat dengan penduduk dan membawa kepada pembukaan tanah baru untuk pembangunan pertanian.⁵⁹ Pada tahun 1947, negeri Sarawak mempunyai jalan sepanjang 736 km dan kemudian telah meningkat kepada 1,363 km pada tahun 1962.⁶⁰

Perkembangan sistem jalan raya ini telah mengembangkan cara mengangkut barangan melalui jalan darat di negeri Sarawak. Ini dapat dilihat melalui jumlah kenderaan bermotor termasuklah lori, kereta, motorsikal, teksi, van dan bas yang bergerak melalui jalan-jalan di negeri Sarawak telah semakin meningkat bilangannya, iaitu dari 928 buah pada tahun 1951, kepada 2,868 buah pada tahun 1955, 6,861 buah pada tahun 1960 dan 11,838 buah pada tahun 1963.⁶¹ Keadaan ini menunjukkan berlakunya kemajuan dalam sistem perhubungan darat di Sarawak di bawah kerajaan British, sedangkan sebelum Perang Dunia Kedua, jalan air merupakan jalan perhubungan yang utama di negeri Sarawak.

Dari tahun 1946 hingga 1950, perhatian juga diberi kepada pemulihan, pembaikan dan meningkatkan kemudahan di pelabuhan yang ada, dari pelabuhan besar seperti Miri, Kuching dan Sibul sehingga ke pelabuhan kecil seperti Lingga di Simanggang, Kuala Baram, Mukah Sebuyau, Kanowit, Betong dan Nanga Medamit. Salah satu perkembangan yang menggalakkan pada zaman itu ialah Tanjung Mani di Kuala Sungai Rejang menjadi sebuah pusat perkapalan yang penting di negeri Sarawak. Pada tahun 1950, sebanyak 26 buah kapal bersinggah di situ dan pada tahun 1951 pula sejumlah 33 kapal singgah di Tanjung Mani.⁶² Pada tahun 1955, Tanjung Mani dibuka sebagai *lighterage port*, iaitu pelabuhan yang menggunakan tongkang untuk memunggah barang terutamanya balak dari dan ke atas kapal besar yang tidak berlabuh hampir dengan dermaga. Pada tahun itu juga, kemudahan baru telah dilengkapi di pelabuhan Sibul untuk membolehkan dua buah kapal besar dari Singapura-Sibul dan Hong Kong-Sibul berlabuh. Dengan itu, Sungai Rejang telah menjadi pusat perdagangan yang penting khususnya balak dan dapat membantu pembangunan Tanjung Mani, Sarikei, Binatang dan Sibul.⁶³

Selain itu, sistem perhubungan udara juga diberi perhatian oleh pentadbiran British ketika penguasaannya di negeri Sarawak. Perluasan landasan, memperbesarkan lapangan terbang dan pembinaan lapangan terbang baru dijalankan. Perkhidmatan udara dilanjutkan untuk meningkatkan perhubungan dengan lebih banyak negara luar seperti penerbangan dari Kuching ke Singapura, Brunei dan Sabah serta dari Singapura ke Kuching setiap hari. Bukan sahaja lapangan terbang di bandar seperti Kuching, Sibul, Simanggang dan Miri yang mendapat perhatian, landasan kapal terbang di kawasan pedalaman seperti Sematan, Long Akah dan Long Semado (dikendalikan oleh *Borneo Evangelical Mission*) juga telah dibina. Lapangan terbang di Kuching siap dibina semula pada September 1950,⁶⁴ dan di Sibul pada Julai 1952.⁶⁵ Pada tahun 1961, terdapat sejumlah 22 lapangan terbang berbagai saiz dan standard telah digunakan di negeri Sarawak. Perhubungan udara juga penting dari segi ekonomi kepada komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman. Contohnya, apabila perhubungan udara ke Long

Akah diperluaskan sehingga ke Bario pada Julai 1961, komuniti Kelabit yang terasing sebelum ini telah dapat mengimport barang-barang harian dan mengeksport hasil-hasil mereka melalui perkhidmatan udara.⁶⁶ Perkembangan ini selain memberi kemudahan kepada penduduknya, ia turut dapat menambahkan hasil pendapatan kerajaan melalui pengenaan cukai eksport-import ke atas barang-barang yang dibawa keluar dan masuk ke kawasan Bario serta sekitarnya.

Pertubuhan Kebajikan, Sosial dan Kerjasama

Selepas Perang Dunia Kedua, kegiatan kebajikan, sosial dan semangat kerjasama di kalangan penduduk negeri Sarawak mula diberi perhatian. Kemajuan ini bertujuan untuk memelihara kestabilan masyarakat, mewujudkan kerjasama di kalangan penduduk dan mengalihkan perhatian penduduk dari kegiatan subversif seperti gerakan komunis yang sedang giat berkembang di Sarawak kepada aktiviti yang lebih sihat.

Pada tahun 1947, kerajaan membentuk Jawatankuasa Penasihat Kebajikan (*Welfare Advisory Committee*). Atas cadangan Jawatankuasa itu, *Sarawak Social Welfare Council* (SSWC) telah dibentuk pada tahun 1949.⁶⁷ Ia merupakan sebuah badan sukarela yang dianggotai oleh semua organisasi dan orang perseorangan yang berminat tentang kebajikan penduduk. Sumber bantuan bergantung kepada sumbangan dari badan-badan seperti *Sarawak Turf Club*, kutipan yang dibuat oleh *Red Cross* dan *Anti-Tuberculosis Society*, Dewan Perniagaan, dan lain-lain badan. Antaranya, mereka pergi ke rumah-rumah panjang memberi perkhidmatan kesihatan dan membantu mendirikan rumah orang Iban di Marudi dan Bintulu. Mereka juga memulakan rumah orang tua dan membantu mereka yang memerlukan. Selain itu, *Boy Scouts*, *Girl Guides* dan *Boys Brigade* (1961) telah wujud di negeri Sarawak ketika pemerintahan British.⁶⁸

Atas galakan kerajaan British, pertubuhan-pertubuhan belia (*youth organizations*) telah ditubuhkan di negeri Sarawak. Pada awal 1948, sebuah *Boys' Home* dibina di Kuching untuk menempatkan mereka yang kehilangan keluarga dan menghadapi masalah akhlak (membuat jahat). *Amateur Athletic Association* ditubuhkan di Kuching pada tahun 1953 untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti belia. Pada tahun 1953, *Sibu Boys' Club and Youth Centre* dibuka. Pada tahun 1955, *Kuching Youth Club* memulakan aktivitinya dengan 400 orang ahli. Bantuan yang diberi oleh kerajaan British membolehkan kawalan kerajaan ke atas pertubuhan dan aktiviti belia itu. Dengan itu, komunis tidak dapat menyerap ke dalam pertubuhan dan aktiviti belia itu di negeri Sarawak.

Co-operative Society telah wujud di negeri Sarawak selepas Perang Dunia Kedua. Antaranya, pada 5 Oktober 1953, *Co-operative Central Bank* telah didaftarkan. Pada awal tahun 1950-an, *Kuching Henghua Fishermen's Co-operative Village and Better Living Society* yang telah ditubuhkan diberi tanggungjawab dalam pembinaan kampung baru untuk ahlinya di Jalan Pending, Kuching dengan bantuan infrastruktur oleh kerajaan. Manakala, pada tahun 1953, sekumpulan penanam sayur di Sibu telah membentuk *Vegetable Marketing Society* untuk bekerjasama dalam penjualan hasil sayur mereka dan mencari lebih banyak tanah untuk kegiatan penanaman sayur. *Kuching Wharf and Harbour Workers Co-operative Society* dibentuk pada tahun 1960 untuk mendapatkan kerja bagi ahlinya dan memperjuangkan nasib golongan pekerja pelabuhan. Pada tahun 1963, terdapat sejumlah 198 *Co-operative Society* di Sarawak dengan keahlian seramai 12,445 orang berbanding

dengan 197 pertubuhan dan 11,915 ahli pada tahun 1962.⁶⁹ Maklumat lanjut tentang kumpulan, bilangan pertubuhan dan jumlah ahli *Co-operative Society* di Sarawak pada tahun 1963 boleh dilihat dalam Jadual 7.

Jadual 7
***Co-operative Society* di Sarawak Pada Tahun 1963**

Kumpulan	Bilangan Pertubuhan	Bilangan Ahli
Iban	95	3,523
Melayu	27	1,062
Bidayuh	23	870
Cina	22	2,711
Campuran Kaum	9	3,211
Kenyah	9	260
Kayan	9	450
Kelabit	2	229
Murut	1	113
Bumpitera Lain	1	16
Jumlah	198	12,445

Sumber: *Annual Report on Co-operative Development For The Year Ending 31st December 1963*, hlm. 2, dalam C.O. 802/22, *Annual Reports: Part II* (1963).

Kegiatan membentuk pertubuhan adalah satu perkembangan yang penting kepada masyarakat berbilang kaum di negeri Sarawak. Kegiatan berpertubuhan ini dapat mengeratkan hubungan antara kaum, mengurangkan konflik kaum dan dapat menjaga kepentingan golongan atau pihak masing-masing melalui pertubuhan berkenaan. Dengan itu, masing-masing kaum berasa puas hati kerana hak dan kepentingan mereka dapat dilindungi oleh pertubuhan berkaitan yang ditubuhkan. Pertubuhan pelbagai jenis pertubuhan ini juga merupakan satu cara untuk melatih penduduk tempatan dalam menguruskan hal-hal mereka sendiri, sambil membekalkan kemahiran dan pengalaman kepada mereka bagi menyelesaikan masalah yang berbangkit.

Kesimpulan

Negeri Sarawak melalui zaman kolonial British selama 17 tahun, iaitu dari tahun 1946 sehingga Malaysia dibentuk pada tahun 1963 dan Sarawak menjadi salah sebuah negeri di dalamnya. Secara keseluruhannya, dapat dikatakan terdapat banyak perubahan dan pembangunan sosial yang berlaku di negeri Sarawak semasa zaman pentadbiran kolonial British. Walaupun British sebagai penjajah dan mereka menjajah negeri Sarawak, namun tidak dapat dinafikan adanya pembangunan sosial yang dilakukan dan berlaku di negeri Sarawak pada zaman kekuasaannya. Dengan bantuan kewangan dari *British Colonial*

Development and Welfare Funds (CDW), pelbagai rancangan pembangunan sosial dapat dilakukan oleh pentadbiran British di negeri Sarawak, sama ada aspek pendidikan, kesihatan dan perubatan, kemudahan asas dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan, campurtangan British di negeri Sarawak telah membawa kepada pembangunan yang tidak seimbang di antara kaum dan kawasan di negeri itu. Dari segi pendidikan, misalnya, walaupun berlaku perkembangan yang menggalakkan dengan penubuhan banyak sekolah kesan kesedaran ibu bapa tentang pentingnya pendidikan untuk anak-anak mereka, namun turut mewujudkan jurang perbezaan tahap pendidikan di antara kaum. Dalam hal ini, golongan Bumiputera lebih mundur kerana masalah kewangan untuk membiayai pendidikan dan menanggung kos persekolahan anak-anak mereka. Begitu juga, di bawah pentadbiran British, kemajuan dan pembangunan yang lebih pesat dari segi kemudahan asas serta infrastruktur berlaku di kawasan bandar yang dihuni oleh majoriti orang Cina dan Eropah berbanding dengan kawasan luar bandar yang diduduki oleh golongan Bumiputera. Keadaan ini secara tidak langsung telah mempengaruhi taraf hidup penduduk Bumiputera dengan bukan Bumiputera di negeri Sarawak sehingga ke hari ini. Pada hari ini, secara umumnya, keadaan hidup masyarakat Cina di negeri Sarawak rata-rata adalah lebih baik daripada golongan Bumiputera. Berbanding dengan golongan Bumiputera, dimana masih terdapat ramai yang hidup miskin dan terpisah dari arus pembangunan kerana mereka tinggal di kawasan jauh pedalaman di negeri Sarawak. Secara keseluruhannya, pembangunan sosial di negeri Sarawak telah menjadikan negeri Sarawak sebuah negeri yang maju. Menjelang pembentukan Malaysia, di negeri Sarawak, telah lahir ramai pemimpin penting, adanya peluang pendidikan yang banyak serta keadaan hidup yang sihat dan selesa. Keadaan itu terus berkembang di bawah Malaysia sehingga membolehkan negeri Sarawak mengorak langkah ke arah mencapai kemajuan yang lebih pesat dan matang sehingga yang dapat dilihat pada hari ini.

Nota Hujung

- ¹ Surat Henry Wise bertarikh 31 Oktober 1844 dan surat Brooke, dalam F.O. 12/2, General Correspondence: Borneo, 1842, hlm. 70; Letter From Brooke, dalam F.O. 12/1, General Correspondence: Borneo, 1842, hlm. 21-39. Rujuk juga Ooi Keat Gin, 1997, *Of Free Trade and Native Interests: The Brookes and The Economic Development of Sarawak, 1841-1941*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm. 1.
- ² *North Borneo and Sarawak*, Central Office of Information, Great Britain, May 1963, hlm. 14; Vernon Mullen, 1967, *The Story of Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm. 54.
- ³ R.H.W. Reece, 1982, *The Name of Brooke: The End of White Rajah Rule in Sarawak*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm. 4-5; Vernon Mullen, 1967, *The Story of Sarawak*, hlm. 56 dan 58. Bagi penaklukan kawasan Limbang oleh Charles Brooke, sila lihat C.O. 531/3, North Borneo, Brunei, Sarawak: Original Correspondence, 1907-1951, hlm. 358; surat Charles Brooke kepada John Anderson bertarikh 13 April 1905, telegram Charles Brooke bertarikh 28 April 1905 dan 6 Mei 1905 dalam Rajah's Letters, 1901-1906. Rujuk juga Nicholas Tarling, 1992, "Brooke Rule In Sarawak and Its Principles", *MBRAS*, Vol. LXV, Part 1, hlm. 19; D.S. Ranjit Singh, 1984, *Brunei 1839-1983: The Problem of Political Survival*, Oxford University Press, Singapore, hlm. 81-88. Penyerahan Lawas kepada Raja Brooke pada tahun 1905 turut dinyatakan

- dalam Owen Rutter, 1922, *British North Borneo: An Account of Its History, Resources and Native Tribes*, Constable & Company Limited, London, hlm. 135.
- ⁴ Surat Charles Brooke kepada Gabenor Singapura bertarikh 15 Mei 1908 dalam Rajah's Letters, August 1906-1913. Rujuk juga 1963, *North Borneo and Sarawak*, hlm. 14; *The Sarawak Gazette*, 31 October 1980, hlm. 186; Ooi Keat Gin, 1997, *Of Free Trade and Native Interests*, hlm. 2; Amarjit Kaur, 1998, *Economic Change in East Malaysia: Sabah and Sarawak since 1850*, Macmillan Press Ltd., Great Britain, hlm. 4; Owen Rutter, 1922, *British North Borneo*, hlm. 136; D.S. Ranjit Singh, 1984, *Brunei 1839-1983*, hlm. 67-73.
- ⁵ Maklumat lanjut tentang sebab-sebab penyerahan Sarawak oleh Raja Vyner Brooke, sila lihat Ho Hui Ling, 2001, "Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951", *Malaysia dari segi Sejarah*, Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Bil. 29, hlm. 44-48.
- ⁶ *Utusan Sarawak*, 25 April 1949, hlm. 4; 13 November 1950, hlm. 2; *The Sarawak Tribune*, 18 May 1946, hlm. 1; *The Malay Mail*, 17 May 1946, hlm. 1; *The Sarawak Gazette*, 30 April 1970, hlm. 77; 31 July 1972, hlm. 129; 31 July 1978, hlm. 162. Lihat juga *Annual Report on Sarawak for the year 1947*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, 1948, hlm. 4; Ho Hui Ling, 2001, "Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951", hlm. 43-73.
- ⁷ Keterangan lanjut tentang gerakan anti-penyerahan, sila rujuk Ho Hui Ling, 2001, "Penyerahan Sarawak Kepada Kerajaan British, 1946-1951", hlm. 54-58.
- ⁸ Mohd. Suffian Hashim, 1987, *Mengenai Perlembagaan Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 408; L.W. Jones, 1962, *Sarawak Report on the Census of Population 1960*, Government Printing Office, Kuching, hlm. 47; James Jackson, 1976, *Sarawak: Satu Kajian Ilmu Alam tentang Sebuah Negeri yang sedang Membangun*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 33.
- ⁹ Mohd. Suffian Hashim, 1987, *Mengenai Perlembagaan Malaysia*, hlm. 408; L.W. Jones, 1962, *Sarawak Report on the Census of Population 1960*, hlm. 55; James Jackson, 1976, *Sarawak*, hlm. 44. Lihat juga L.W. Jones, 1948, *Sarawak juga Annual Report on Sarawak for the year 1947*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 22.
- ¹⁰ Lihat L.W. Jones, *Report On the Census of Population Taken on 15 June 1960*, Kuching: Government Printing Office, 1962, hlm. 59; *Banci Perumahan dan Penduduk - Golongan Masyarakat Malaysia (1970)*, Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia, 1970; *Utusan Sarawak*, 2 Januari 1958, hlm. 2; 26 Januari 1960, hlm. 2.
- ¹¹ Sumber: Angka untuk tahun 1947 diperolehi daripada *Annual Report on Sarawak for the year 1947*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, 1948, hlm. 22. Angka untuk tahun 1948 dipetik dari *Annual Report on Sarawak for the year 1948*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, 1949, hlm. 8. Angka bagi tahun 1949 diambil dari James M. Liston, *Colony of Sarawak Annual Report of The Medical and Health Department For The Year 1949*, Singapore: The Malaya Publishing House Limited, 1951, hlm. 7, dalam C.O. 802/5, Annual Reports (1949-1950). Angkat untuk tahun 1950, James M. Liston, *Colony of Sarawak Annual Report of The Medical and Health Department For The Year 1950*, hlm. 7, dalam C.O. 802/5, Annual Reports (1949-1950). Angka untuk tahun 1953 diambil dari *Sarawak Annual Report 1953*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 8. Angka untuk tahun 1954 diperolehi dari *Sarawak Annual Report 1954*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 12-13. Angka bagi tahun 1955 dipetik dari *Sarawak Annual Report 1955*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 12. Angka bagi tahun 1956 diambil

- dari dari *Sarawak Annual Report 1957*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 12. Angka bagi tahun 1957 diperolehi dari *Sarawak Annual Report 1958*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 14. Angka untuk tahun 1959 dipetik dari *Sarawak Annual Report 1959*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 12. Angka untuk tahun 1960 diambil dari *Sarawak Annual Report 1960*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 11. Angka bagi tahun 1961 diperolehi dari *Sarawak Annual Report 1961*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 7. Angka bagi tahun 1962 diambil dari *Sarawak Annual Report 1962*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 11.
- ¹² *Annual Report on Sarawak for the year 1947*, hlm. 46.
- ¹³ Lihat juga *Annual Report on Sarawak 1952*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 71; *Sarawak Annual Report 1953*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 81; *Sarawak Annual Report 1954*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 86; *Sarawak Annual Report 1957*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 63; *Sarawak Annual Report 1958*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 65; *Sarawak Education Department Annual Summary for 1957*, Table VI, dalam C.O. 802/14, Annual Reports: Part 1 (1956-1960); *Sarawak Education Department Annual Summary for 1963*, Table 1A, dalam C.O. 802/22, Annual Reports: Part II (1963).
- ¹⁴ *Ibid.*, hlm. 39-40.
- ¹⁵ Lihat juga *Annual Report on Sarawak for the year 1947*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, 1948, hlm. 47-49; *Annual Report on Sarawak for the year 1949*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, 1950, hlm. 50-53; *Annual Report on Sarawak for the year 1951*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 62-65; *Annual Report on Sarawak 1952*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 75-77 dan 79; *Sarawak Annual Report 1953*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 88; *Sarawak Annual Report 1954*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 96, 99-101; *Sarawak Annual Report 1955*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 68; *Sarawak Annual Report 1956*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 66; *Sarawak Annual Report 1959*, Kuching: Printed at The Government Printing Office, hlm. 89-91.
- ¹⁶ *Ibid.*, hlm. 48. Lihat juga Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, 1990, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 118.
- ¹⁷ *Annual Report on Sarawak for the year 1948*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, 1949, hlm. 33. Lihat juga Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, 1990, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 131.
- ¹⁸ *Annual Report on Sarawak for the year 1947*, hlm. 50.
- ¹⁹ Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, Oxford University Press, Kuala Lumpur, hlm. 304. Lihat juga *Annual Report on Sarawak for the year 1948*, hlm. 35.
- ²⁰ *Annual Report on Sarawak 1952*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 77.
- ²¹ *Sarawak Annual Report 1954*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 101.
- ²² Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, 1990, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 165.
- ²³ *Annual Report on Sarawak for the year 1947*, hlm. 49.

- ²⁴ *Annual Report on Sarawak for the year 1948*, hlm. 36.
- ²⁵ *Sarawak Annual Report 1960*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 97.
- ²⁶ Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 311 dan 313.
- ²⁷ *Sarawak Report on Development (1951)*, The Sarawak Government Printing Office, Kuching, 1951, hlm. 5, dalam C.O. 802/4, Annual Reports (1946-1948).
- ²⁸ *Annual Report on Sarawak 1952*, hlm. 6.
- ²⁹ Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 309 dan 311.
- ³⁰ *Sarawak Annual Report 1961*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 87; *Sarawak Annual Report 1960*, hlm. 94; *Sarawak Education Department Annual Summary For 1957*, hlm. 3, dalam C.O. 802/14, Annual Reports: Part I (1956-1960).
- ³¹ Syed Idrus Syed Ahmad & R. Santhiram, 1990, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 175-176.
- ³² *Sarawak Annual Report 1962*, hlm. 150.
- ³³ *Sarawak Education Department Annual Summary For 1963*, Table 1A, dalam C.O. 802/22, Annual Reports: Part II (1963).
- ³⁴ *Sarawak Annual Report 1955*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 72-74; Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 306. Perlantikan E.W. Woodhead pada tahun 1954, lihat *Sarawak Annual Report 1954*, hlm. 94.
- ³⁵ Ong Kee Hui, 1998, *Footprint in Sarawak, 1914-1963*, Research & Resource SUPP Headquarters, Kuching, hlm. 399; *Sarawak Annual Report 1960*, hlm. 98-99.
- ³⁶ *Annual Report on Sarawak for the year 1947*, hlm. 55.
- ³⁷ *Annual Report on Sarawak for the year 1950*, hlm. 69; James M. Liston, *Colony of Sarawak Annual report of The Medical and Health Department For The Year 1950*, hlm. 16, dalam C.O. 802/5, Annual Reports (1949-1950).
- ³⁸ *Sarawak Annual Report 1962*, hlm. 170.
- ³⁹ R. Dickie, *Sarawak Medical and Health Department Annual Report 1963*, hlm. 16-17, dalam C.O. 802/22, Annual Reports: Part II (1963).
- ⁴⁰ *Annual Report on Sarawak for the year 1948*, hlm. 46.
- ⁴¹ Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 347. Lihat juga *Annual Report on Sarawak for the year 1950*, hlm. 72; *Annual Report on Sarawak for the year 1947*, hlm. 56; *Sarawak Annual Report 1962*, hlm. 170.
- ⁴² *Annual Report on Sarawak for the year 1949*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, 1950, hlm. 65; *Annual Report on Sarawak for the year 1950*, hlm. 69; *Annual Report on Sarawak for the year 1951*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 82-83. Lihat juga Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 347-348.
- ⁴³ *Report on Development 1956*, 1956, The Government Printing Centre, Kuching, Sarawak, hlm. x, dalam C.O. 802/14, Annual Reports: Part 1 (1956-1960).
- ⁴⁴ *Annual Report on Sarawak for the year 1949*, hlm. 67.
- ⁴⁵ *Annual Report on Sarawak for the year 1950*, hlm. 73.
- ⁴⁶ Government of Sarawak, *Report on Development 1957*, hlm. 8, dalam C.O. 802/14, Annual Reports: Part 1 (1956-1960).
- ⁴⁷ R.A. Cramb & R.H.W. Reece (eds.), 1998, *Development in Sarawak: Historical and Contemporary Perspectives*, Centre of Southeast Asian Studies, Monash University, Victoria, hlm. 38. Lihat juga *Sarawak Annual Report 1962*, hlm. 170-171.
- ⁴⁸ *Sarawak Annual Report 1957*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 74.

- ⁴⁹ Ibid., hlm. 76-77.
- ⁵⁰ *Sarawak Annual Report 1959*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 101.
- ⁵¹ *Sarawak Annual Report 1962*, hlm. 160.
- ⁵² Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 258-259.
- ⁵³ Ibid., hlm. 255; *Annual Report on Sarawak for the year 1951*, hlm. 118.
- ⁵⁴ *Annual Report on Sarawak for the year 1948*, hlm. 65; *Annual Report on Sarawak for the year 1949*, hlm. 82.
- ⁵⁵ *Sarawak Annual Report 1953*, Printed at The Government Printing Office, Kuching, t.t., hlm. 125; *Sarawak Annual Report 1954*, hlm. 135.
- ⁵⁶ *Sarawak Annual Report 1962*, hlm. 230-231.
- ⁵⁷ *Annual Report on Sarawak for the year 1948*, hlm. 75; Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 252-253.
- ⁵⁸ *Annual Report on Sarawak 1952*, hlm. 123.
- ⁵⁹ *Sarawak Annual Report 1961*, hlm. 152-153.
- ⁶⁰ Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 246.
- ⁶¹ Ibid., hlm. 247.
- ⁶² *Colonial Reports Sarawak 1951*, Her Majesty's Stationery Office, London, 1953, hlm. 31.
- ⁶³ Amarjit Kaur, 1998, *Economic Change in East Malaysia: Sabah and Sarawak since 1850*, hlm. 150. Lihat juga Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 250.
- ⁶⁴ *Annual Report on Sarawak for the year 1950*, hlm. 2.
- ⁶⁵ *Annual Report on Sarawak 1952*, hlm. 6.
- ⁶⁶ Amarjit Kaur, 1998, *Economic Change in East Malaysia: Sabah and Sarawak since 1850*, hlm. 151; *Sarawak Annual Report 1961*, hlm. 148.
- ⁶⁷ Vernon L. Porritt, 1997, *British Colonial Rule in Sarawak, 1946-1963*, hlm. 331.
- ⁶⁸ Ibid., hlm. 334.
- ⁶⁹ Ibid., hlm. 335-337.